


PERBADANAN ASET KERETAPI



RAC SALUR RM500,000 ZAKAT PERNIAGAAN, SANTUNI ANAK YATIM & MEDIA SEMPENA RAMADAN

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) terus memperkukuh peranan tanggungjawab sosial korporat dengan menyalurkan Zakat Perniagaan berjumlah RM500,000 bagi Tahun Kewangan 2025 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Sumbangan ini mencerminkan komitmen berterusan RAC sebagai pemegang amanah aset rel negara dalam memastikan pembangunan sektor perkeretaapian dilaksanakan secara seimbang, selari dengan keprihatinan terhadap kesejahteraan masyarakat.

Penyerahan zakat telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad kepada Timbalan Yang Dipertua MAIK, YBhg. Dato' Hj Mohd Anis bin Hussein. Bagi pihak LZNK, sumbangan diterima oleh Ketua Pegawai Kutipan, Encik Mohamad Zaidi bin Azizan. Majlis tersebut turut disaksikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook serta Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi Haji Habibollah.

Dalam masa yang sama, RAC turut menganjurkan Program Ihya' Ramadan dengan menyantuni hampir 50 anak-anak yatim serta para pengamal media. Inisiatif ini bukan sahaja menyemarakkan semangat kebersamaan dan berkongsi rezeki sepanjang bulan Ramadan, malah mengeratkan hubungan strategik RAC bersama rakan media dan komuniti setempat.





137 ASNAF TERIMA SUMBANGAN WAKALAH ZAKAT PERNIAGAAN RAC

Seramai 137 golongan asnaf menerima sumbangan daripada RAC menerusi sebahagian wakalah Zakat Perniagaan RAC Tahun 2025 dalam satu majlis yang berlangsung di Seremban. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen Seremban, YB Loke Siew Fook bersama Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad sempena Majlis Perjumpaan Bersama Pemimpin Masyarakat dan Majlis Berbuka Puasa.

Dalam majlis yang sama, wakil-wakil masjid dan surau di sekitar Parlimen Seremban serta DUN Chennah turut menerima sumbangan dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM256,000**. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan RAC dalam menyalurkan manfaat zakat kepada komuniti setempat serta membantu golongan yang memerlukan.



PERKONGSIAN RAMADAN: MEMPERKUKUH NILAI INTEGRITI WARGA RAC

Warga kerja RAC berkumpul dalam suasana Ramadan yang penuh keberkatan bagi mengikuti sesi perkongsian inspirasi bersama penceramah terkenal, YBhg. Dato' Ustaz Kazim Elias. Sesi tersebut memberi penekanan kepada kepentingan integriti sebagai asas dalam membina kepercayaan, melaksanakan tanggungjawab serta memacu kecemerlangan organisasi. Turut ditekankan dalam sesi ini adalah mengenai peranan amanah dan kejujuran yang perlu dipraktikkan bukan sahaja dalam kehidupan seharian serta dalam bidang pekerjaan.

Diharapkan ilmu dan nasihat yang dikongsikan dapat terus menyemai nilai integriti dalam kalangan warga RAC, selari dengan semangat Ramadan yang mendidik jiwa dan memperkukuh akhlak.

RAC TURUN PADANG DAN LAKSANA CSR PASTIKAN KELANCARAN PERKHIDMATAN REL SEMPENA THAIPUSAM 2026



Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad telah menghadiri Sidang Media Perkhidmatan Rel Sempena Thaipusam 2026 yang berlangsung pada 20 Januari 2026 di Stesen Kuala Lumpur Sentral.

Sidang media tersebut telah disampaikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook dan turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, Pengerusi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), YBhg. Dato' Ahmad Redza Abdullah serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTMB, YBhg. Datuk Azlan Shah Al Bakri.



Antara intipati sidang media tersebut adalah mengenai pengoperasian perkhidmatan tren perkhidmatan Komuter selama 24 jam selama empat (4) hari bermula 30 Januari hingga 2 Februari 2026 bagi memastikan kelancaran perjalanan pengguna sempena perayaan tersebut. Sebanyak 609 perjalanan tren melibatkan 28 stesen akan disediakan dengan jangkakan sehingga 700,000 penumpang bakal memanfaatkan perkhidmatan ini. Selain itu, sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan, RAC turut menaja RM10,000 bagi Program Pengedaran Makanan Percuma di Batu Caves dengan kerjasama Lembaga Pelabuhan Klang.

Program ini bertujuan untuk menyantuni komuniti serta para penganut yang hadir dengan menyediakan bantuan makanan kepada mereka yang terlibat sepanjang tempoh sambutan tersebut. Selain itu, RAC turut menempatkan pasukannya bagi menyelaras susun atur tapak, pengurusan logistik serta aspek teknikal bagi memastikan Program Pengedaran Makanan Percuma di Batu Caves dapat berjalan lancar. Langkah ini penting memandangkan lebih 2.5 juta pengunjung dijangka hadir ke Batu Caves sempena sambutan Thaipusam tahun ini yang merupakan antara perayaan Hindu paling penting di Malaysia dengan lokasi tersebut sebagai tumpuan utama setiap tahun.



YAB PERDANA MENTERI DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG DILAKSANAKAN RAC

KUALA LUMPUR, 1 Feb 2026 - YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah diberi taklimat mengenai Cadangan Pemuliharaan Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan pembangunan Residensi MADANI di atas tanah hak milik RAC di Seberang Prai, Pulau Pinang daripada Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad sebaik tiba di Stesen Keretapi Kuala Lumpur bagi perjalanan tidak rasmi beliau menaiki perkhidmatan ETS3 ke Johor Bahru.

Perdana Menteri kemudiannya turut dibawa melihat sekitar kawasan stesen berkenaan yang telah menjalani kerja naik taraf Fasa 1 disamping beramah mesra dengan sebahagian kakitangan KTMB dan penumpang. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTMB, YBhg. Datuk Azlan Shah Al Bakri.

PERJANJIAN KOMERSIAL LIBERALISASI KORIDOR REL SOKONG PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI



RAC bersama KTMB dan Fiberail Sdn. Bhd. telah memeterai Perjanjian Komersial Berhubung Liberalisasi Koridor Laluan Hak Lalu (Right-of-Way) Kereta Api pada 23 Januari 2026 di Kementerian Pengangkutan bagi menyokong peluasan dan pembangunan infrastruktur telekomunikasi di sepanjang koridor rel negara.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut telah disaksikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook serta Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTMB, YBhg. Datuk Azlan Shah Al Bakri dan Ketua Pegawai Eksekutif Fiberail Sdn. Bhd., YBrs. Encik Mohd Arifin bin Hasan.

Kerjasama strategik ini dijangka memperkukuh tadbir urus serta memastikan pembangunan infrastruktur telekomunikasi di sepanjang koridor rel negara dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun, cekap dan berdaya saing.

RAC SERTAI KARNIVAL PENGANGKUTAN SISWA MADANI & FLYSISWA 2026



Reruai RAC menerima sambutan yang menggalakkan daripada para siswa sempena penyertaannya dalam Karnival Pengangkutan Siswa MADANI & FLYsiswa 2026 yang telah berlangsung pada 13 Januari 2026 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Karnival tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook. Turut hadir ialah Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir serta Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan bersama Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad.

Sepanjang karnival berlangsung, reruai RAC telah dikunjungi oleh pelajar daripada pelbagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang berminat untuk mendapatkan maklumat berkaitan peranan RAC selaku pengurus dan pemilik aset kereta api negara terutama dalam aspek pengurusan dan pembangunan aset-aset tersebut. Selain itu, turut diteroka adalah peluang kerjaya yang ditawarkan dalam sektor pengangkutan rel oleh RAC.



RAC METERAI PERJANJIAN PEMBANGUNAN BANGUNAN WARISAN DI GEORGE TOWN

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad telah menyempurnakan Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan dan Pajakan bagi Cadangan Pembangunan Bangunan Warisan Sedia Ada di Lot 285, 286 dan 287, Gat Lebu China, Pulau Pinang, bersama YBhg. Dato' Douglas Cheng, Ketua Pegawai Eksekutif TCM Penang Development Sdn. Bhd., bertempat di Menara Sentral RAC pada 28 Januari 2026.

Cadangan pembangunan ini melibatkan adaptasi semula bangunan warisan bagi tujuan hotel butik dan ruang komersial, selaras usaha pemuliharaan dan penjaan semula kluster bangunan warisan milik RAC di Kawasan Warisan Dunia George Town, Pulau Pinang. Projek ini menandakan satu langkah penting dalam memastikan nilai sejarah dan estetika warisan dikekalkan sambil menyokong pembangunan ekonomi setempat.

KUNJUNGAN HORMAT KE FELDA BINCANG PAJAKAN TANAH DI SEBERANG PRAI



Perbincangan merangkumi kedudukan semasa pajakan, cabaran yang dihadapi serta cadangan penyelesaian mampan yang saling menguntungkan, termasuk potensi penambahbaikan untuk menyokong kelangsungan operasi MSM Prai Berhad.



Langkah ini mencerminkan komitmen RAC dalam memastikan aset strategik dimanfaatkan secara optimum sambil mengekalkan hubungan konstruktif dengan rakan niaga dan pihak berkepentingan.

YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif RAC telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Dr Suzana Idayu Wati Osman, Pengarah Besar Felda, di Menara Felda, Kuala Lumpur pada 27 Januari 2026 bagi membincangkan status pajakan tanah hak milik RAC di Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang kepada MSM Prai Berhad.



WARGA RAC IKUTI CERAMAH PERSIAPAN MENYAMBUT RAMADAN



Warga kerja RAC telah mengikuti program ceramah bertajuk Persediaan Menyambut Bulan Keampunan yang disampaikan oleh YBrs. Ustaz Muhammad Haris bin Mohd Ismail atau dikenali sebagai PU Riz pada 10 Februari 2026.

Ceramah ini bertujuan menyemai kesedaran, keinsafan dan memperkukuh persediaan rohani dalam menyambut kehadiran Ramadan, bulan yang penuh keberkatan.

TINJAUAN KESIAPAN STESEN BATU CAVES SEMPENA THAIPUSAM 2026

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad telah mengadakan lawatan tapak di Stesen Batu Caves pada 27 Januari 2026 bagi meninjau dan memastikan kesiapan stesen itu sebagai pilihan utama logistik kepada penganut agama Hindu yang hadir menyambut Thaipusam.



SESI TOWN HALL RAC BIL. 1/2026

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad menyampaikan amanat serta hala tuju strategi organisasi untuk tahun 2026 dalam Sesi Town Hall Bil. 1/2026 yang berlangsung pada 12 Februari 2026 di pejabat Sentral RAC.

Sesi tersebut menjadi platform untuk berkongsi pencapaian semasa organisasi, di samping membuka ruang interaksi dua hala antara pihak pengurusan dan kakitangan. Turut diadakan sesi pengenalan warga kerja baharu dan sambutan hari lahir warga RAC bagi bulan Januari hingga Mac. Majlis turut dimeriahkan dengan pemberian cenderahati kepada warga RAC yang menyambut Tahun Baharu Cina, sekali gus menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga RAC.

**PELAKSANAAN PROJEK PERKERETAAPIAN
DI BANDAR SEREMBAN BERJALAN
LANCAR**



Sempena sambutan perayaan Tahun Baharu Cina, Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook bersama Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, serta barisan pengurusan tertinggi Kementerian Pengangkutan, KTMB dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) mengedarkan pek cenderahati kepada para penumpang di Stesen Keretapi Seremban pada 14 Februari 2026.


Selepas menyantuni penumpang tren, YB Loke turut meninjau Projek Membaik Pulih Bangunan Stesen Keretapi Seremban yang kini berada pada fasa akhir, serta menerima taklimat mengenai Projek Naiktaraf Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 2 (KVDT2) termasuk pembangunan stesen baharu Seremban.



**RAILPICKLE SPORT DEPOT TAMPIN KINI BEROPERASI
SEPENUHNYA**

Railpickle Sport Depot, yang menawarkan kemudahan pickleball dalaman dan futsal, kini mula beroperasi sepenuhnya selepas pembukaan rasmi pusat itu pada 23 Januari 2026. Majlis perasmian pusat itu telah diadakan pada 13 Februari 2026 dengan kehadiran YB Veerapan a/l Superamaniam, EXCO Kerajaan Negeri Sembilan merangkap ADUN Tampin dan Pengurus Wilayah Selatan, Ts. Muhammad Shafeeq Mohd Sapian.

RAC terus komited menyokong inisiatif pembangunan aktiviti sihat serta penggunaan aset secara produktif, selaras dengan usaha meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat. Tahniah diucapkan atas pembukaan kemudahan sukan ini. Tempahan boleh dibuat melalui talian +6011-1088 7277.



PERBADANAN ASET KERETAPI



NIKMATI KEMUDAHAN PARK & RIDE RAWANG MULAI 9 FEBRUARI 2026!

Dengan lokasi yang strategik berhampiran Stesen Keretapi Rawang, anda kini boleh meninggalkan kenderaan dengan di lokasi yang lebih selamat dan meneruskan perjalanan menggunakan perkhidmatan rel dengan mudah.

Kemudahan ini direka bagi menyokong perjalanan harian anda dengan lebih lancar melalui akses yang selesa, persekitaran parkir yang tersusun serta kadar bayaran yang berpatutan.

Antara kemudahan yang disediakan:

- 2 unit lif
- Tandas lelaki, tandas wanita dan kemudahan OKU
- Parkir aras 1 khas untuk:
 - Motosikal
 - OKU
 - Wanita
- Hentian Bas & zon turun penumpang
- Jumlah keseluruhan 437 tempat letak kenderaan (TLK) (termasuk 8 petak OKU dan 128 petak motosikal)
- Kawasan parkir dilengkapi sistem CCTV untuk keselamatan pengguna.

Jangan lepaskan peluang untuk menikmati pengalaman perjalanan yang lebih selesa, selamat dan efisien bersama kemudahan Park & Ride Rawang!

PARK & RIDE RAWANG

KAEDAH BAYARAN TANPA TUNAI

TEMPOH	CAJ BAYARAN PARKIR (Termasuk SST)
15 minit pertama	Percuma
3 jam pertama atau sebahagiannya	RM3.18
Setiap jam berikut atau sebahagiannya	RM1.06
Kadar maksimum (sehari)	RM5.30
Motosikal (24 jam)	RM1.06
Pengguna OKU	Percuma